

CNS6906

U GB 26-12 00171 BA663

BAH

Mahathir - Labuan

DR MAHATHIR MINTA SEKTOR KORPORAT MELABUR DI LABUAN

LABUAN, 26 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta ahli korporat melabur di sini, terutama dalam projek berasaskan kewangan.

Katanya, pulau ini mempunyai potensi yang baik untuk pelaburan dengan kerajaan membekalkan pelbagai infrastruktur terutama bagi memajukannya sebagai pusat kewangan pesisir pantai (IOFC).

"Saya akan pujuk mereka supaya datang melabur di sini terutama dalam projek berasaskan kewangan," katanya kepada pemberita di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur setelah melakukan lawatan peribadi selama tiga hari.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedatangan beberapa tokoh perniagaan terkemuka dalam rombongannya semasa lawatan itu dan rungutan sektor perniagaan di sini mengenai kurangnya pelaburan daripada ahli korporat negara ke pulau ini.

Beliau berpuas hati dengan perkembangan projek yang sedang dijalankan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan pesisir pantai terkemuka di dunia dan percaya semua projek itu akan dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan. -- Lagi.

▼26/12/17-38MST

CNS6909

U GB 26-12 00126 BA664

BAH

Mahathir - Labuan 2 Labuan

Dr Mahathir berkata, Labuan juga mampu menampung kehadiran pelancong dan pelabur dengan terdapatnya bilik hotel yang mencukupi untuk mereka.

Katanya, kerajaan akan membuat promosi untuk mendedahkan Labuan kepada pelancong bagi meningkatkan bilangan mereka datang ke sini.

Antara langkah itu ialah dengan mengadakan lebih bayank lagi penerbangan terus ke sini seperti dari Hong Kong yang dijangka bermula Mac depan.

Beliau menjelaskan bahawa Labuan tidak dapat dimajukan secepat Pulau Langkawi kerana kecantikan yang berbeza antara kedua-dua pulau itu.

"Langkawi mengutamakan pembangunan pelancongan sedangkan Labuan daripada segi kewangan pesisir pantai," katanya

Oleh itu, kemajuan Labuan bergantung kepada perkembangan berasaskan kewangan seperti pembukaan bank cawangan dan sebagainya dan ini mengambil masa. -- Lagi.

▼26/12/17-40MST

CNS6910

H GB 26-12 00132 BA665

BAH

Mahathir - Labuan 3 (Akhir) Labuan

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus membangunkan Terumbu Layang-Layang, kira-kira satu setengah jam penerbangan ke arah barat daya Labuan dengan menambah kemudahan yang ada di pulau kecil itu.

Katanya, ini kerana kerajaan menjangka lebih ramai pelancong terutama yang berminat dengan pengembaraan laut akan datang ke terumbu berkenaan.

Perdana Menteri terbang ke pulau itu pagi semalam untuk membuat tinjauan udara kerana pesawat yang membawanya tidak dapat mendarat memandangkan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Dr Mahathir, yang tiba di sini Jumaat lepas, ditemani isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, semalam turut meninjau beberapa projek pembangunan yang sedang dalam pembinaan seperti tapak Taman Kewangan, Dataran Labuan dan Taman Marina. -- Bernama.

AG OPP KAM.

▼26/12/17-44MST